

PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Fax: 03-8889 4548
Laman web: [http: www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my).

KP(BPSH-SPDK) 201/005/01/ Jld.3(6)
14 Oktober 2010

Semua Pengarah Pelajaran
Negeri Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 13 TAHUN 2010
PELAKSANAAN SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI (SBT)

Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan memaklumkan tentang pengwujudan dan pelaksanaan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) mulai Januari 2010.

2. Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Results Area - NKRA) Ketiga iaitu Meluaskan Akses Kepada Pendidikan Berkualiti dan Berkemampuan diterajui oleh Menteri Pelajaran seperti yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia pada 27 Julai 2009. Salah satu subbidang NKRA Pendidikan adalah Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT).
3. Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri, Kementerian Pelajaran Malaysia Bil.9/2009 pada 9 September 2009 telah bersetuju untuk mengangkat sebanyak 100 buah sekolah menjadi Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) pada tahun 2012 serta mewujudkan Sektor Sekolah Berprestasi Tinggi di Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK) bagi memastikan tadbir urus SBT dilaksanakan dengan efektif dan efisien.
4. Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) ditakrifkan sebagai sekolah yang mempunyai etos, watak dan identiti yang tersendiri serta menyerlah dalam semua aspek pendidikan. Sekolah ini mempunyai tradisi budaya kerja yang sangat tinggi dan cemerlang dengan modal insan yang berkembang secara holistik dan berterusan serta berdaya saing di persada antarabangsa dan menjadi sekolah pilihan masyarakat.

5. SBT merupakan model kecemerlangan pendidikan di Malaysia yang boleh diteladani oleh sekolah-sekolah lain di seluruh negara demi memastikan pencapaian kualiti yang tinggi di dalam bidang pendidikan.

6. Sehubungan itu, bagi maksud pelaksanaan SBT yang efektif dan efisien bersama ini disertakan **Garis Panduan Pelaksanaan Autonomi Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)** untuk digunapakai sebagai panduan dan rujukan.

7. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah serta Pengetua dan Guru Besar sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

TAN SRI DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.

1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
3. YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia

8. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AUTONOMI SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI



**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN (BPSBPSK)**

1. LATAR BELAKANG

Enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Results Area - NKRA) telah diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia dalam ucapannya di Majlis Perhimpunan Bersama Anggota Pentadbiran dan Penjawat Awam serta *Government Linked Companies* (GLC) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 27 Julai 2009. Hasrat untuk mengenal pasti dan mewujudkan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) telah diumumkan oleh Y.A.B Perdana Menteri di dalam majlis yang tersebut dimana antaranya Y.A.B. Perdana Menteri menyatakan:

“Selain itu, sebagai projek perintis, sebanyak 100 buah sekolah, terdiri daripada jenis harian biasa, sekolah bestari, kluster, trust school atau sekolah berpiagam dan sekolah berasrama penuh akan dikenal pasti untuk diangkat menjadi Sekolah Berprestasi Tinggi. Dengan ini, kita akan menyediakan persekitaran pelajaran dan pembelajaran yang kondusif serta menggalakkan kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta bagi memacu lagi pencapaian pelajar. Semua rencana ini akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun sebelum penamat 2012”.

(Ucapan Y.A.B Perdana Menteri Bersama Anggota Pentadbiran dan Penjawat Awam Serta GLC, PICC, 27 Julai 2009)

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) terlibat secara langsung dalam NKRA yang ketiga, iaitu Meluaskan Akses Kepada Pendidikan Berkualiti dan Berkemampuan. Untuk mencapai hasrat ini, KPM telah menyediakan pelan tindakan untuk merealisasikan subNKRA yang ketiga iaitu mengenal pasti 100 buah SBT menjelang 2012 sebagai sebahagian daripada portfolio kepada Y.A.B Menteri Pelajaran. Usaha ini sejajar dengan hasrat “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.



Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil. 8/2009 KPM pada 9 September 2009 telah bersetuju untuk mengiktiraf 100 buah sekolah yang terdiri daripada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan menjadi SBT.

Mesyuarat juga telah memutuskan untuk menubuhkan Sektor SBT di Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (**BPSBPSK**) supaya pengurusan SBT dapat dilaksanakan dengan efisien.

Sebanyak 20 buah sekolah telah diumumkan sebagai SBT Kohort 1 oleh Y.A.B. Menteri Pelajaran pada 25 Januari 2010. Majlis Pengiktirafan SBT telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 29 Januari 2010.

1.1 Definisi

SBT ditakrifkan sebagai sekolah yang mempunyai etos, watak, identiti tersendiri dan unik serta menyerlah dalam semua aspek pendidikan. Sekolah ini mempunyai tradisi budaya kerja yang sangat tinggi dan cemerlang dengan modal insan nasional yang berkembang secara holistik dan berterusan serta mampu berdaya saing di persada antarabangsa dan menjadi sekolah pilihan utama.

1.2 Rasional

Rasional menghargai dan memberi pengiktirafan SBT kepada sekolah dalam Sistem Pendidikan Malaysia adalah untuk:

1.2.1 Mengangkat Kualiti Sekolah-sekolah Terbaik

Meningkatkan kualiti pencapaian sekolah melalui peningkatan tahap autonomi untuk membolehkan sekolah melaksanakan inovasi dalam pendidikan (contoh: pengurusan organisasi, pengurusan instruksional, pengurusan kurikulum, pengurusan kewangan dan pengurusan sumber manusia).

1.2.2 Menghasilkan Murid Cemerlang

Menghasilkan murid cemerlang yang berkaliber antarabangsa supaya dapat melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan terbaik di dunia dan seterusnya menjadi personaliti unggul dalam semua bidang yang diceburi.

1.2.3 Merapatkan Jurang Antara Sekolah-sekolah Dalam Sistem

Menjadi inspirasi kepada sekolah-sekolah lain untuk membangunkan kecemerlangan ke tahap yang lebih tinggi melalui penandaarasan, bimbingan dan jaringan dengan SBT.

2. PEMILIHAN

Kriteria pemilihan diumumkan kepada semua sekolah melalui portal KPM www.moe.gov.my/nkra atau portal NKRA www.apps.moe.gov.my/nkra. Pemilihan sekolah untuk pengiktirafan SBT akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemilihan SBT yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) dan dianggotai oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (TKPPM) (Sektor Operasi Pendidikan), TKPPM (Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan), TKPPM (Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan), Pengarah BPSBPSK, dan Sekretariat NKRA.



Calon untuk pengiktirafan SBT adalah terdiri daripada semua sekolah rendah dan menengah yang berada dalam *Band* Satu (1) berdasarkan skor komposit yang mengambil kira Gred Purata Sekolah (GPS) dan keputusan Penarafan Kendiri Sekolah (PKS) berasaskan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Cadangan tempoh pemilihan SBT adalah seperti berikut:

Jadual 1 Tempoh Pemilihan SBT

Tahun	Bilangan	
	SBTN Baru	Jumlah
2010	20	20
2011	30	50
2012	50	100

Pemilihan sekolah untuk pengiktirafan SBT akan melalui tiga proses saringan.

2.1 Saringan Pertama

Sekolah yang berada dalam *Band* Satu (1), iaitu sekolah rendah yang mendapat skor komposit sekurang-kurangnya 85 peratus (%), dan sekolah menengah yang mendapat skor komposit sekurang-kurangnya 90 peratus (%) wajib mengisi Borang Pencalonan Pengiktirafan SBT (**BPP-SBT**). **Skor komposit merupakan 70% gred purata sekolah (GPS) dan 30% Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM)**. Sekolah akan disenaraikan mengikut skor komposit dan markah dalam BPP-SBT.

2.2 Saringan Kedua

KPM akan memilih sekolah yang layak daripada *Band* Satu (1) untuk dinilai dan diverifikasi dengan menggunakan Instrumen SKPM dan *Annex-SBT* oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK). *Annex-SBT* akan menilai lima (5) ciri kecemerlangan dan keunggulan sekolah iaitu personaliti unggul, anugerah diterima, jalinan, jaringan dan penandaarasan.

2.3 Saringan Ketiga

Sekolah yang telah diverifikasi oleh JNJK disusun mengikut markah penarafan SKPM dan *Annex-SBT*. Hanya sekolah yang mendapat skor sekurang-kurangnya 90 peratus (%) dalam penarafan SKPM yang telah diverifikasi oleh JNJK dan skor *Annex-SBT* sekurang-kurangnya 40 peratus (%) akan diambil kira. Jawatankuasa Pemilihan akan memilih sekolah yang layak untuk diiktiraf sebagai SBT.

3. GANJARAN

Sekolah yang menerima pengiktirafan SBT diberi peruntukan khas, insentif dan latihan untuk pemimpin, guru dan Anggota Khidmat Sokongan (AKS). Pihak pengurusan sekolah juga diberi autonomi dalam aspek berikut:

- a. pengurusan kurikulum;
- b. pengurusan kewangan;
- c. pengurusan sumber manusia berdasarkan prestasi; dan
- d. pemilihan murid.

3.1 Peruntukan Khas

Peruntukan Khas diberi supaya sekolah dapat melaksanakan aktiviti untuk mempertingkatkan prestasi sekolah dalam aspek pembangunan modal insan, pengantarabangsaan, penyelenggaraan dan ubah suai kecil serta perolehan harta modal.

3.2 Latihan

Pemimpin dan guru SBT akan menerima latihan yang dikendalikan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG). IAB bertanggungjawab

untuk memberi latihan kepada pemimpin sekolah manakala BPG bertanggungjawab untuk memberi latihan kepada guru.

3.3 Autonomi

Y.A.B Perdana Menteri telah meluluskan pemberian autonomi yang merangkumi aspek pengurusan kurikulum, kewangan dan sumber manusia kepada SBT.

Pelaksanaan autonomi bermakna pengetua, guru besar, guru dan warga sekolah mempunyai akauntabiliti yang tinggi terhadap segala keputusan yang diambil di peringkat sekolah. Kesediaan KPM dan sekolah dalam hal ini merupakan input kritikal yang menentukan kejayaan pelaksanaannya. KPM perlu bersedia untuk memberi ruang dan kuasa supaya pelaksanaan Pengurusan Berasaskan Sekolah (PBS) dapat diperluas. Khidmat nasihat akan diberi oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK) bagi memastikan pelaksanaan autonomi di SBT dilaksanakan dengan berkesan. Agensi KPM yang terlibat untuk membantu SBT bagi mengekalkan tahap kecemerlangan sekolah adalah seperti seperti Institut Aminuddin Baki (IAB), Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), JNJK, BPSBPSK dan lain-lain Bahagian yang berkaitan.

Pemberian autonomi akan meningkatkan kualiti SBT melalui inovasi dan kreativiti masing-masing dalam pengurusan pendidikan mengikut keperluan. Inovasi dalam pengurusan akan berupaya menghasilkan murid cemerlang dan berkaliber antarabangsa yang akan dapat dan mampu melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan terbaik di dunia. Seterusnya, mereka akan menjadi personaliti unggul dalam bidang yang diceburi.



4. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AUTONOMI

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan perubahan, penyesuaian dan pengecualian berkaitan pengurusan autonomi SBT dalam aspek kurikulum, kewangan, sumber manusia dan pemilihan murid.

4.1 Fleksibiliti Pengurusan Kurikulum

SBT digalakkan mengguna pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P). Walau bagaimanapun, pelaksanaan fleksibiliti pengurusan kurikulum ini bergantung kepada perkara-perkara berikut:

- a. Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di SBT mengikut Seksyen 17 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).
- b. SBT yang menawarkan mata pelajaran dari kurikulum lain di luar kurikulum kebangsaan, bahasa pengantar yang digunakan hendaklah sama dengan bahasa pengantar asal bagi mata pelajaran yang tersebut atau sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar.
- c. Jumlah bilangan hari persekolahan setahun tidak kurang dari 190 hari.
- d. Segala perubahan yang hendak dilakukan di SBT berkaitan dengan mata pelajaran yang ditawarkan, bahasa pengantar, hari persekolahan, dan peperiksaan hendaklah dimaklumkan dan mendapat persetujuan daripada ibu bapa/penjaga murid dan Ketua Pendaftar. Perubahan yang dibuat adalah berdasarkan perkara-perkara berikut:
 - i. Memberi keutamaan kepada perkembangan murid secara holistik.
 - ii. Membolehkan P&P dilaksanakan mengikut tahap kebolehan murid dengan menyediakan program khas untuk murid cerdas dan berbakat.



- iii. Membolehkan murid memenuhi keperluan kemasukan ke sekolah berasrama penuh, program matrikulasi dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia.

4.1.1 Pemilihan dan Penawaran Mata Pelajaran Lain di Luar Kurikulum Kebangsaan

a. Tujuan

- i. Mengambil kira keperluan murid dan negara berdasarkan perkembangan semasa.
- ii. Melaksanakan pemindahan kredit dengan IPT dan seterusnya menjadi *feeder school* kepada IPT tersebut.

b. Pelaksanaan

- i. SBT perlu mendapatkan persetujuan IPT, KPM dan ibu bapa bagi memilih mata pelajaran yang ditawarkan oleh sekolah daripada kurikulum lain di luar kurikulum kebangsaan (contoh: kejuruteraan aeronautikal, fizik nuklear, bioteknologi, nanoteknologi, kebudayaan, seni halus, seni persembahan dan lain-lain) bagi tujuan pemindahan kredit untuk ke IPT.
- ii. Permohonan pemilihan mata pelajaran hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum dilaksanakan untuk tujuan kelulusan Ketua Pendaftar.
- iii. Menghasilkan atau mendapatkan isi kandungan kurikulum.
- iv. Membentangkan isi kandungan mata pelajaran yang dicadang untuk ditawarkan dan justifikasi pemilihan kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP/CCC).
- v. Memperoleh kelulusan Ketua Pendaftar.
- vi. Menghasilkan atau mendapatkan bahan P&P yang berkenaan.

- vii. Menyediakan tenaga pengajar yang berkelayakan.
- viii. Memberi latihan kepada tenaga pengajar mengikut keperluan.
- ix. Memaklumlakan kepada Ketua Pendaftar sebarang pindaan atau perubahan berkaitan dengan pelaksanaan pemilihan mata pelajaran.

4.1.2 Pemampatan Isi Kandungan Mata Pelajaran Kurikulum Kebangsaan

a. Tujuan

- i. Membolehkan pelaksanaan P&P mengikut tahap kebolehan murid.
- ii. Membolehkan program Laluan Pintas (Fast Tracking) dilaksanakan dan tempoh tahun pengajian sekolah dipendekkan satu (1) tahun sepanjang fasa pendidikan rendah dan satu (1) tahun bagi pendidikan menengah. Ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 2 (Takrifan) Akta Pelajaran 1996 (Akta 550) yang menyatakan bahawa pendidikan rendah boleh diikuti dalam tempoh lima (5) hingga tujuh (7) tahun.
- iii. Membolehkan penambahan isi kandungan daripada kurikulum lain di luar kurikulum kebangsaan dilaksanakan untuk memantapkan pengetahuan murid dalam mata pelajaran tersebut serta memberi nilai tambah kepada murid untuk bersaing di peringkat antarabangsa.
- iv. Melaksanakan pemindahan kredit dengan IPT dan seterusnya menjadi *feeder school* kepada IPT tersebut.

b. Pelaksanaan:

i. Laluan Pintas untuk Sekolah Rendah

- Laluan Pintas bermaksud murid Tahun Satu (1) dibenarkan terus ke Tahun Tiga (3) setelah mengikuti kurikulum Tahun Satu (1) dan Tahun Dua (2) dalam tempoh satu tahun apabila didapati mereka layak dari aspek kognitif (pembangunan intelek dan penguasaan akademik), afektif (sosial dan emosi) dan psikomotor.

- Murid perlu mengambil ujian saringan sebelum dipilih oleh Jawatankuasa Pemilihan yang terdiri daripada guru besar dan guru-guru.
- Persetujuan ibu bapa dan murid mesti diperoleh sebelum ditempatkan dalam program Laluan Pintas.
- Sukatan Pelajaran (SP) Tahun Satu (1) dan Tahun Dua (2) dimampatkan kepada satu tahun sahaja.
- SBT perlu menyediakan perancangan awal dari aspek fizikal, tenaga pengajar dan Jadual Pelaksanaan Laluan Pintas dan jadual waktu persekolahan.
- Murid-murid akan ditempatkan semula ke dalam tahun persekolahan yang sepatutnya jika guru-guru yang mengajar mendapati murid tersebut tidak mampu meneruskan program Laluan Pintas dengan persetujuan Jawatankuasa Pemilihan.
- SBT perlu memaklumkan kepada Ketua Pendaftar status pelaksanaan program Laluan Pintas setiap tahun.

ii. Penambahan Isi Kandungan Daripada Kurikulum Lain di Luar Kurikulum Kebangsaan

- Isi kandungan kurikulum boleh ditambah mengikut kemampuan dan keperluan murid.
- Jawatankuasa Kurikulum Sekolah (JKS) boleh menentukan kurikulum dan isi kandungan yang hendak ditambah.
- Penambahan isi kandungan kurikulum mesti mendapat persetujuan Ketua Pendaftar.

iii. Pemindahan Kredit ke IPT

- SBT dan IPT mesti memilih mata pelajaran yang hendak digunakan untuk pemindahan kredit melalui program seperti Tingkatan Enam (6) dan prauniversiti.



- Pemilihan mata pelajaran untuk pemindahan kredit perlu mendapat kelulusan Ketua Pendaftar.
- Segala proses berkaitan pemindahan kredit seperti membandingkan isi kandungan mata pelajaran, penetapan waktu P&P dan tenaga pengajar mesti diuruskan bersama oleh SBT dengan IPT berkenaan.
- SBT mesti memaklumkan status pelaksanaan pemindahan kredit kepada Ketua Pendaftar.
- Segala proses dan keperluan untuk kelulusan serta pengiktirafan pemindahan kredit ini hendaklah diperoleh daripada pihak-pihak yang berkuasa seperti IPT dan Malaysian Qualification Agency (MQA).

4.1.3 Penawaran Peperiksaan Daripada Kurikulum Lain Di Luar Kurikulum Kebangsaan

Murid sekolah dibenarkan mengambil peperiksaan daripada kurikulum lain di luar kurikulum kebangsaan sebagai mata pelajaran yang ditawarkan di SBT tetapi sebarang perbelanjaan dan bayaran bagi mengendalikan peperiksaan adalah di bawah tanggungjawab SBT dan calon-calon yang berkenaan. Senarai peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan berikut telah diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM):

- University of London (UoL)
- Associated Board of the Royal School of Music (ABRSM)
- Associated of Chartered Certified Accountants (ACCA)
- City and Guilds (C&G)
- Association of International Accountants (AIA)
- Association of Business Executives (ABE)
- International Society of Business Administrators (ICSA)
- Institute of Shipbrokers (IOSB) - tidak aktif (tiada calon mendaftar)
- Chartered Institute of Builders (CIOB) - tidak aktif (tiada calon mendaftar).

a. Tujuan

Peperiksaan daripada mata pelajaran lain atau kurikulum lain di luar kurikulum kebangsaan dapat memantapkan pengetahuan murid dalam mata pelajaran tersebut serta memberi nilai tambah untuk membolehkan murid bersaing di peringkat antarabangsa.

b. Pelaksanaan

- i. Pelaksanaan penawaran peperiksaan daripada kurikulum lain di luar kurikulum kebangsaan adalah mengikut budi bicara sekolah.
- ii. Sekolah juga boleh menawarkan peperiksaan lain seperti South Australian Matriculation, A Levels, O Levels dan peperiksaan lain yang diiktiraf oleh IPTA, LPM, Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dan MQA dari semasa ke semasa.
- iii. Sekiranya ada peperiksaan yang masih belum diiktiraf oleh LPM, SBT perlu memaklumkan kepada BPSBPSK untuk tindakan selanjutnya.

4.1.4 Sesi Persekolahan dan Pengubahsuaian Jadual Waktu

SBT boleh menentukan tambahan masa di luar jadual waktu rasmi persekolahan dan menetapkan masa pengajaran minimum setiap mata pelajaran mengikut *Expected Targeted Result* (ETR) SBT berkenaan. Pihak sekolah diberikan autonomi menentukan jumlah waktu bagi mata pelajaran dan membuat jadual anjal mengikut keperluan murid.

a. Tujuan

SBT boleh melaksanakan perkara-perkara yang berkaitan dengan autonomi kurikulum seperti:

- i. Pemilihan mata pelajaran elektif, mata pelajaran tambahan, mata pelajaran lain dan penawaran mata pelajaran lain di luar kurikulum kebangsaan.
- ii. Pemampatan isi kandungan mata pelajaran kurikulum kebangsaan sekolah rendah dan menengah.
- iii. Penambahan isi kandungan daripada kurikulum lain di luar kurikulum kebangsaan.
- iv. Pemindahan kredit ke IPT dan penawaran peperiksaan daripada kurikulum di luar kurikulum kebangsaan.

b. Pelaksanaan

- i. Pelaksanaan pengubahsuaian jadual waktu dan sesi persekolahan adalah mengikut ketetapan sekolah.
- ii. Mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pendaftar.
- iii. Memaklumkan kepada ibu bapa/penjaga.

4.2 Autonomi Pengurusan Kewangan

Autonomi Pengurusan Kewangan yang dicadangkan untuk SBT bertujuan mengurangkan karenah birokrasi supaya SBT boleh bertindak dengan cepat, cekap dan tepat berdasarkan keperluan sekolah.

Pelaksanaan Autonomi Pengurusan Kewangan adalah seperti berikut:

- 4.2.1 Kelulusan untuk pakej terus daripada Bahagian Kewangan.
- 4.2.2 Perbelanjaan di bawah RM500,000.00 diuruskan sendiri oleh SBT.
- 4.2.3 Perbelanjaan peruntukan khas mengikut perancangan sekolah masing-masing.
- 4.2.4 Lebihan peruntukan (tanpa had) boleh dibawa ke tahun berikutnya.

Autonomi pengurusan kewangan adalah berasaskan Surat Pekeliling Kewangan Bil. 4 Tahun 2010 (Lampiran 1).

4.3 Autonomi Pengurusan Sumber Manusia

Autonomi dalam pengurusan sumber manusia akan memberi lebih fleksibiliti kepada Pengarah BPSBPSK dan pengetua/guru besar SBT untuk memilih dan melatih guru dan AKS mengikut keperluan sekolah. Kriteria pemilihan pengetua/guru besar, guru dan AKS adalah berasaskan prestasi dan bukan hanya berasaskan gred.

4.3.1 Tujuan

Memastikan kualiti pengetua/guru besar, guru dan AKS sentiasa meningkat. Setiap anggota lebih bertanggungjawab, berintegriti dan mementingkan akauntabiliti dalam melaksanakan tugas.

4.3.2 Pelaksanaan

- a. Pengarah BPSBPSK boleh mengekalkan pengetua/guru besar yang sedia ada atau membuat pemilihan baharu melalui temuduga dan pemantauan.
- b. Pengetua/Guru besar SBT yang terkeluar dari senarai *Band Satu* (1), akan diberi bimbingan dan perlu memberi surat tunjuk sebab.
- c. Pengetua/Guru besar SBT akan dipindahkan ke sekolah lain sekiranya sekolah terkeluar dari senarai *Band Satu* (1) bagi tiga tahun berturut-turut.
- d. Pengarah BPSBPSK boleh mencadangkan pertukaran pengetua/guru besar kepada KPPM dari semasa ke semasa.
- e. Pengetua/Guru besar SBT boleh mencadangkan untuk mengekalkan guru dan AKS yang sedia ada atau membuat pemilihan baharu dengan kerjasama JPN.

- f. Guru Cemerlang sedia ada di SBT hendaklah dikekalkan bagi menjamin tenaga kerja yang sesuai untuk meningkatkan prestasi murid secara berterusan.

4.4 Autonomi Pemilihan Murid

SBT boleh melaksanakan autonomi dalam pemilihan murid sebanyak 20 peratus (%). Autonomi ini membolehkan sekolah memilih dan menentukan jumlah kemasukan murid serta saiz kelas.

4.4.1 Tujuan


Sekolah dapat menjana daya saing dan kecemerlangan menerusi murid yang mempunyai kompetensi dan kebolehan tinggi.

4.4.2 Pelaksanaan


- a. Pemilihan murid ke SBT boleh berdasarkan akademik, kokurikulum, etos dan bidang kebitaraan (niche area).
- b. SBT hanya boleh melaksanakan autonomi pemilihan murid sekiranya terdapat pilihan sekolah yang lain di sekitar kawasan tertentu.
- c. Sekiranya hanya sebuah sekolah sahaja yang terdapat di sesuatu kawasan, autonomi pengambilan murid tidak boleh dilaksanakan.

5. CARTA ALIRAN


5.1 Carta Aliran Pemilihan SBT




5.2 Carta Aliran Penilaian Pengetua/Guru Besar SBT




5.3 Carta Aliran Perubahan Status SBT




5.4 Carta Aliran Pemilihan Isi Kandungan Mata Pelajaran Yang Ditawarkan Di SBT



5.5 Carta Aliran Laluan Pintas di Sekolah Rendah SBT



5.6 Carta Aliran Proses Pembangunan Kurikulum Laluan Pintas Menengah/Rendah



5.7 Carta Aliran Penambahan Isi Kandungan Kurikulum

